

08 JUL 1999

ABDUL KADIR TALIB DILANTIK IMAM BESAR MASJID PUTRAJAYA

BALING, 8 Julai (Bernama) -- Bekas Mufti Wilayah Persekutuan Tan Sri Abdul Kadir Talib dijangka dilantik sebagai imam besar yang pertama Masjid Putra di Putrajaya, pusat pentadbiran baru kerajaan Persekutuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman berkata hari ini pelantikan itu dijangka dilakukan dengan segera setelah selesai perundingan antara Jabatan Perdana Menteri dengan Abdul Kadir.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas melancarkan majlis kokurikulum Sekolah Pendidikan Islam Peringkat Zon Selatan di Sekolah Kebangsaan Batu Pekaka, di sini.

Abdul Kadir, 70, berkhidmat sebagai Mufti Wilayah Persekutuan dari 1991 hingga 1996.

Abdul Hamid berkata masjid Putra juga akan dijadikan model daripada segi pengurusan masjid.

Masjid Putra mula digunakan Jumaat lepas, dan antara jemaah pada hari itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mula bertugas di pejabat barunya di Putrajaya pada 21 Jun.

Masjid yang mampu menampung 15,000 jemaah itu dihiasi kubah berwarna merah jambu, menara setinggi 116 meter dan menghadap sebuah tasik buatan. Ia terletak tidak jauh dari bangunan Jabatan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MZM NMO